

Dr Mahathir puas hati hasil mesyuarat

BH 27 JAN 1992

Daripada Ibrahim Yahaya, Hambali Abd Latif, Zamzam Omar dan Wan Hamidi Hamid

SINGAPURA, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati dengan hasil mesyuarat pegawai kanan dan menteri yang bersetuju dengan formula melaksanakan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Menurut Perdana Menteri, beliau yakin cadangan itu akan diterima oleh Ketua-Ketua Kerajaan Asean dalam mesyuarat mereka esok.

Bercakap kepada wartawan Malaysia pagi ini, beliau berkata, ketua-ketua kerajaan tidak akan membincangkan panjang lebar mengenai perkara yang sudah dibincangkan dan dipersetujui di peringkat menteri.

"Prosedur biasa dalam kumpulan Asean ialah ketua-ketua kerajaan menerima cadangan yang dikemukakan oleh menteri masing-masing," katanya.

Mengenai EAEC, Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, jika segala dokumen yang disediakan di peringkat menteri diterima oleh ketua-ketua kerajaan, ini menepati keputusan yang dicapai di Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi (AEM) di Kuala Lumpur, Oktober lalu.



DATUK SERI RAFIDAH
... turut hadir

"Kita tidak minta lebih daripada itu. Bagi kita, cadangan mengenai EAEC yang dipersetujui menepati cadangan asal yang dibuat," katanya.

Ditanya mengenai jangkaan tempoh EAEC boleh menjadi kenyataan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Sekarang kita perlu bekerja ke arah menubuhkannya. Kita tidak perlu membuat pelbagai jangkaan.

"Kita mempunyai langkah susulan yang menerangkan konsep itu kepa-

da mereka berpotensi menjadi ahli dan juga orang lain."

Bagaimanapun, beliau berkata, secara perbandingan dengan perjanjian antarabangsa lain, Asean setakat ini diiktiraf sebagai kumpulan yang paling mantap dan berjaya.

"Perjanjian antarabangsa biasanya mengambil tempoh yang panjang, bukan saja Asean. Secara perbandingan dengan kumpulan serantau lain, Asean bergerak lebih pantas daripada mereka.

"Kumpulan serantau lain lebih banyak mengadakan mesyuarat tetapi tidak berjaya seperti yang kita capai. Malah dunia mengiktiraf kumpulan Asean adalah yang paling mantap dan berjaya," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri bertemu dengan pegawai kanan dan menteri yang menghadiri mesyuarat persediaan sidang kemuncak.

Menteri yang hadir ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.